

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HIU 306 Kaedah Penelitian Hadith

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LIMA(5) soalan dalam TIGA(3) muka surat.

ARAHAN

- Jawab **TIGA(3)** soalan. **SOALAN NO. 1 MESTI** dijawab dan **DUA(2)** soalan lain.
- Hormati kertas ini kerana ia mengandungi hadith-hadith Rasulullah s.a.w.

1. حدثنا سعيد بن عمير قال حدثنا عبد الله بن وهب عن يونس بن يزيظ عن محمد بن مسلم بن شحاب الزهري قال قال حميط بن عبد الرحمن سمعت معاوية بن أبي سفيان خطيبا يقول سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقول من يردد الله به خيرا يذقه فو الطين وإنما أذاق سوء الله يعطي ولا تزال هذه الأمة قائمة على أمر الله لا يضرهم حتى يأتي أمر الله.

Berdasarkan hadith ini anda dikehendaki menjawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan siapa di antara ulamak-ulamak hadith yang telah mentakhrijkan hadith ini.
- (b) Jelaskan maksud istilah-istilah yang digunakan oleh rawi/rawi di dalam sanad di atas.
- (c) Sebutkan beberapa kritikan yang telah didapati pada rawi(rawi) di dalam sanad di atas sehingga membolehkan ulamak-ulamak hadith memberi hukum terhadap sanad berkenaan dan apakah hukumnya?
- (d) Terjemahkan matan hadith di atas dengan sempurna serta huraikan fakta-faktanya.

- (e) Apakah kesimpulan yang dapat difahamkan daripada maksud hadith di atas, terangkan lima(5) daripadanya?
- (f) Siapakah yang dimaksudkan dengan al-Ummah di dalam matan hadith di atas?

(40%)

2. Berikan ta'arif istilah-istilah berikut:

- (a) Hadith Qudsi dan Mutawatir;
- (b) Hasan lizatih dan Hasan lighairih;
- (c) Al-Musannaf dan al-Musnad;
- (d) Al-Athar dan al-Sanad.

(30%)

3. Sabda Rasulullah s.a.w.:

- (a) Riwayat Abu Said al-Khudri r.a.

لَا تَكْتُبُوا عَنِّي وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرُ الْقُرْآنِ فَلَا يَبْهَجُهُ وَحَدَّثُوكُمْ عَنِّي وَلَا هُوَ مُخْرَجٌ
مسلم

- (b) Riwayat Abdullah ibn Amr r.a.

أَكْتُبْ قَوْالِيَّنِي نَفْسِي بِبِيَّنَةٍ مَادْرَجَ مِنْهُ الْاَحْقَنْ . اَخْرَجَهُ اَحْمَدُ وَالظَّاهِرُ وَأَبُو دَاْوَدَ .

Berdasarkan riwayat-riwayat di atas,

- i. Bincangkan perselisihan pendapat ulmak-ulamak hadith tentang penulisan hadith-hadith Rasulullah s.a.w.
- ii. Sebutkan tiga(3) penulisan hadith yang telah berjaya dihasilkan di dalam abad pertama hijrah dengan menyatakan siapa penulis dan di mana tersimpannya bahan berkenaan.
- iii. Siapakah khalifah Islam yang disifatkan sebagai telah memberi arahan rasmi supaya hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dikumpulkan dan sejauh manakah pula perkembangannya berikutnya?

(30%)

4. Di dalam pengajian anda tentang kaedah penelitian hadith, ada dibincangkan mengenai istilah-istilah kritikan ulamak-ulamak hadith terhadap rawi-rawi di dalam sanad hadith, sila terangkan yang manakah yang dimaksudkan dengannya, sanad berkenaan diberi hukum:

- (a) Sahih;
- (b) Hasan;
- (c) Dhaif munjabir;
- (d) Dhaif ghair munjabir.

(30%)

5. Jelaskan perbezaan di antara istilah-istilah berikut:

- (a) Al-Quran dan hadith Qudsi;
- (b) Mutawatir dan Ahad
- (c) الْبَيِّنُ الْمُتَقْدِرُ لِلْمُخْبِطِ وَالْبَيِّنُ الْمُتَقْدِرُ لِلْكَذَّابِ
- (d) Al-hadith dan al-khabar;
- (e) Hadith masyhur dan hadith aziz.

(30%)